

Loji mampu kurangi air buangan dibina

SEBUAH loji rawatan air buangan industri baru, yang berpotensi mengurangkan jumlah air buangan melebihi 90 peratus, kini sedang dibina.

Loji baru itu, yang akan ditempatkan di sebuah syarikat semikonduktor di sini, juga boleh mengeluarkan logam berharga daripada air dirawat itu yang kemudiannya boleh dijual dan digunakan semula.

Ia sedang dibina bersama oleh kemudahan peringkat nasional untuk membangunkan dan memasarkan teknologi pemisahan dan penurasan (filtration) inovatif secara komersial, Pusat Teknologi Pemisahan Kajian Kegunaan dan Realisasi (Start), dan firma teknologi air setempat, Memsift Innovations.

Menggunakan jenis membran gentian berongga (hollow-fibre membrane) baru, loji itu boleh merawat sehingga 5,000 liter air sehari bagi sebuah firma semikonduktor, kata

Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Pusat Start dan Memsift Innovations dalam satu kenyataan bersama semalam.

Ia dijangka dapat membantu firma itu menjimatkan sehingga 1.6 juta liter air setahun, ataupun dua pertiga kolam renang saiz Olimpik.

Ini sekali gus membolehkan firma menjimatkan \$250,000 dalam kos pembuangan air.

Ia akan menapis lebih 90 peratus air buangan menjadi air bersih dan menjadikan buangan logam kepada cecair, yang kemudian boleh dijual kepada syarikat lain.

Membran gentian berongga baru itu dicipta Profesor Neal Chung daripada Universiti Nasional Singapura (NUS). Membran itu telah dihasilkan secara besar bagi kegunaan industri oleh Pusat Start.

Tidak seperti membran gentian berongga biasa, membran baru itu membolehkan air mengalir sehingga 30 peratus lebih pantas.



MEMBRAN TEKNOLOGI BARU: Pengarah Urusan Pusat Start, Dr Adil Dhalla (*kiri*), memegang membran gentian berongga baru yang membolehkan air mengalir sehingga 30 peratus lebih pantas. Bersamanya ialah pengasas Memsift Innovations, Dr Antony Prince, yang memegang modul membran sudah siap yang akan digunakan di loji baru. – Foto UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG